

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang tuntas untuk menggalakan dan mengujudkan perindustrian hiliran barangan akhir berasaskan sawit yang sangat perlu diusahakan oleh Felda yang sememangnya telah mendapat peruntukan tanah-tanah yang luas di Sabah yang sekarang ini lebih banyak dibangunkan sebagai ladang-ladang komersil Felda dan bukannya diperbanyakkan kegunaan untuk penyertaan peneroka peneroka Felda. Dengan usaha ini penciptaan peluang pekerjaan dapat diusahakan dengan baik.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. FELDA sentiasa berusaha memperkukuh aktiviti pertengahan dan hiliran berasaskan sawit di negeri Sabah. Sebagai contoh, FGV Holdings Berhad (FGV) mempunyai 2 fasiliti penapisan sawit iaitu Tawau Oil Products Sdn Bhd dan Sahabat Oil Products Sdn Bhd yang telah beroperasi selama 20 tahun. Kedua-dua fasiliti ini merupakan kemudahan yang dibangunkan khusus untuk menyokong pembangunan dan keperluan operasi perniagaan FELDA dan FGV terutamanya dalam industri hiliran di Sabah. Kedua-dua fasiliti penapisan minyak sawit di Sabah ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Fasiliti penapisan minyak sawit khususnya di Tawau mengeluarkan minyak masak di bawah jenama SAJI dan Tiga Udang. Selain itu, produk-produk hiliran FGV yang lain turut diperkenalkan di pasaran Sabah seperti sos cili, santan segera, mi segera, marjerin dan sebagainya untuk menampung serta memenuhi permintaan pengguna.
2. Selain itu, melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP), sebanyak 176 projek dengan kos keseluruhan RM15.4 juta telah dilulus untuk dilaksanakan. Antara projek PPP yang akan dilaksanakan termasuk ternakan burung walit, udang kertas, cili secara fertigasi serta hab penternakan lembu pedaging secara integrasi.
3. Bagi projek hab lembu pedaging di FELDA Wilayah Sahabat, anggaran keluasan projek adalah 5 ribu hektar tanah dengan anggaran kemasukan lembu pada peringkat pertama sebanyak 2 ribu ekor. Projek yang telah bermula sejak September 2021 disasarkan mempunyai 5 ribu ekor pada tahun ketiga projek serta pembinaan pusat pemprosesan daging yang akan memberikan nilai

tambah serta peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa
Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 013-346 6939